

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SELANGOR BILANGAN 2 TAHUN 2024**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT KHAS MINERAL
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (**PTD**) dan agensi-agensi teknikal, berkenaan Garis Panduan Permohonan Permit Khas Mineral Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2021 berkenaan Garis Panduan Pemindahan Bahan Mineral (Permit Khas) Bagi Tujuan Pembangunan di Negeri Selangor ("**Pekeliling PTGS Bil.4/2021**"). Pekeliling PTGS Bil.4/2021 tersebut merupakan suatu garis panduan bagi permohonan permit khas pemindahan bahan mineral yang melibatkan kawasan projek pembangunan sahaja.

2.2 Kebelakangan ini, PTGS menerima beberapa permohonan pengeluaran bahan mineral yang melibatkan kawasan-kawasan yang **bukan tujuan maksud perlombongan mineral** seperti kawasan-kawasan yang berikut:

- a. kawasan/projek pembangunan yang mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang;
- b. kawasan/projek pencucian tanah kotor bagi tujuan mendapatkan pasir;
- c. Kawasan/projek yang mempunyai kelulusan permit 4C bagi tujuan pengeluaran bahan batuan.

2.3 Justeru itu, Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor (JSMNS) Bil.1/2023 bertarikh 25 September 2023 yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mempertimbang dan meluluskan cadangan pindaan terhadap Pekeliling PTGS Bil. 4/2021 yang bertujuan menyelaraskan, mengemaskini serta meminda tatacara dan tatakelola Pekeliling Bil. 4/2021 di samping meningkatkan kutipan royalti hasil mineral melalui pengusahahasilan sumber mineral selain di bawah Tenemen Mineral (selepas ini dirujuk sebagai "**Cadangan Pindaan Pekeliling PTGS Bil. 4/2021 tersebut**").

2.4 Seterusnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Cabutan Kertas Ringkasan MMKN bertarikh 8 November 2023 kertas ringkasan MMK.No.52 / 29 / 2023 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 30 / 2023 pada 6 Disember 2023 telah menimbang dan meluluskan Cadangan Pindaan Pekeliling PTGS Bil. 4/2021.

3. KAEDAH DAN PERLAKSANAAN

3.1 Syarat-syarat Permohonan

- 3.1.1 Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran A**; dan
- 3.1.2 Suatu permohonan untuk mendapatkan Permit Khas Mineral hendaklah dibuat melalui **Borang permohonan Permit Khas Mineral** seperti di **Lampiran B** kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (Pengarah PTGS) untuk pertimbangan.

3.2 Bayaran-bayaran yang dikenakan :-

- 3.2.1 **Fi Permohonan Permit Khas Mineral** (baharu) dan **Fi Pembaharuan Permit Khas Mineral** adalah sebanyak **RM500.00 per lot tanah**;
- 3.2.2 **Fi Pengeluaran Permit Khas Mineral** adalah sebanyak **RM1000.00 per lot tanah**;
- 3.2.3 **Sewa tanah tahunan** sebanyak **RM250.00 per hektar** (Untuk tanah Kerajaan sahaja);
- 3.2.4 **Deposit Pematuhan Syarat Permit Khas Mineral** (untuk permohonan baharu sahaja) adalah sebanyak **RM10,000.00 per ekar** (mengikut keluasan kawasan kerja);

3.2.5 Kadar Bayaran royalti seperti di *Jadual 1*:

Jenis Bijih Mineral		Kadar Fi Pengeluaran (Pasaran Tempatan)	Kadar Fi Pengeluaran (Pengeksportan)
a)	Timah	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
b)	Emas	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
c)	Perak	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
d)	Kaolin	RM 2.00/tan	RM 4.00/tan
e)	Ilmenit	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
f)	Pasir Silika	RM 2.00/tan	RM 3.00/tan
g)	Batu Arang	RM 1.00/tan	RM 1.50/tan
h)	Bauksit	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
i)	Mika	RM 2.00/tan	RM 3.00/tan
j)	Barit	RM 10.00/tan	RM 15.00/tan
k)	Tembaga	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
l)	Bijih Besi	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
m)	Kuarza	RM 2.00 per metrik tan	RM 3.00 per metrik tan
n)	Batu Kapur	RM 2.00 per metrik tan	RM 3.00 per metrik tan
o)	Granit	RM 3.90 per Metrik tan	RM 5.85 per metrik tan
p)	Guano	RM 2.00 per 100kg	RM 3.00 per 100kg
q)	Hasil Sampingan Timah	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
r)	Lain-Lain Mineral	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
<p>Nota : Kadar royalti ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri (sekiranya ada)</p>			

Jadual 1

3.3 Kategori kawasan

3.3.1 Permit Khas Mineral boleh dikeluarkan di mana-mana tanah Kerajaan dan tanah hakmilik mengikut kategori kawasan seperti berikut :-

- a. kawasan/projek pembangunan yang mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang;
- b. kawasan/projek pencucian tanah kotor bagi tujuan mendapatkan pasir;
- c. kawasan/projek yang mempunyai kelulusan permit 4C bagi tujuan pengeluaran bahan batuan; dan
- d. lain-lain kawasan/projek yang akan diperakukan oleh PTGS, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sekiranya terdapat apa-apa bahan mineral yang dijumpai.

3.4 Permit Khas Mineral

3.4.1 Tempoh sah suatu Permit Khas Mineral ini adalah selama **satu (1) tahun** sahaja dan boleh diperbaharui mengikut kewajaran permohonan dan pertimbangan Pengarah PTGS.

3.4.2 Suatu Permit Khas Mineral hendaklah menjadi khas dan eksklusif untuk pemegangnya sahaja dan tidak boleh dipindahmilikkan.

- 3.4.3 Pengarah PTGS boleh, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu, membatalkan suatu Permit Khas Mineral jika ia berpuas hati bahawa pemegang permit itu telah memungkirinya mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam Permit Khas Mineral itu.
- 3.4.4 Bagi maksud sub perenggan 3.4.3, Pengarah PTGS hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang Permit Khas Mineral, notis / surat bertulis tentang tujuan untuk membatalkan Permit Khas Mineral itu. Walau bagaimanapun, pemegang Permit Khas Mineral diberi peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa empat belas hari (14) dari tarikh penyampaian notis itu.
- 3.4.5 Apabila habis tempoh empat belas hari (14) yang disebut dalam sub perenggan 3.4.4 dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang Permit Khas Mineral itu, Pengarah PTGS pada bila-bila masa, memberi pemegang Permit Khas Mineral itu notis / surat bertulis tentang keputusannya dan keputusan Pengarah PTGS adalah muktamad.
- 3.4.6 Jika suatu Permit Khas Mineral telah dibatalkan, pemegang permit itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan Permit Khas Mineral itu kepada Pengarah PTGS.

- 3.4.7 Jika suatu Permit Khas Mineral telah dibatalkan atau tamat tempoh, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengarah PTGS hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang pembatalan atau habis tempoh itu dalam daftar Permit Khas Mineral.
- 3.4.8 Pengarah boleh merampas deposit sekiranya berpuas hati bahawa pemegang permit itu telah memungkirkan mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam permit itu.
- 3.4.9 Permit Khas Mineral akan dikeluarkan dalam bentuk format seperti di **Lampiran C**.

3.5 **Syarat tambahan Permit Khas Mineral**

- 3.5.1 Merujuk kepada **sub perenggan 3.3.1** :-
- a. bagi pengeluaran bijih mineral **Bauksit** dan **Bijih Besi** adalah **TIDAK DIBENARKAN** sebarang **aktiviti pencucian**; dan
 - b. bagi pengeluaran bahan mineral Bijih Timah, hasil sampingan Timah, Silika dan lain-lain mineral boleh diproses menggunakan kaedah pemprosesan / pencucian yang dibenarkan oleh JMG dan Lembaga Urus Air Selangor.

- 3.5.2 Kawasan tapak operasi dan laluan keluar masuk kawasan Permit Khas Mineral adalah diwajibkan untuk menggunakan sistem semburan air (*water sprinkler*) bagi tujuan pengawalan habuk/debu.
- 3.5.3 Setiap lori yang keluar dari kawasan yang mempunyai Permit Khas Mineral hendaklah melalui **kawasan wash thru** bagi mengelakkan jalan raya menjadi kotor. Sebagai langkah kawalan tambahan, pemegang permit perlu menyediakan **kawasan water sprinkler/water jet** bagi tujuan membersihkan badan lori secara keseluruhan sebelum keluar dari kawasan itu.
- 3.5.4 Untuk tujuan pengawalan ketirisan royalti hasil mineral, setiap Kawasan Permit Khas Mineral hendaklah menggunakan **Sistem Smart Docket** melalui jambatan timbang (*weighbridge*) yang akan dikawal selia oleh **Unit Batuan dan Mineral (UBM) PTGS, Bahagian Teknologi Maklumat PTGS dan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.** bagi memantau segala rekod pengeluaran setiap timbangan yang dibuat.
- 3.5.5 Pihak PTGS (pegawai yang diberikan kuasa) berhak memasuki mana-mana kawasan yang telah diberikan Permit Khas Mineral **tanpa perlu sebarang notis awal** bagi tujuan pemantauan, pengawalan dan apa-apa sahaja tujuan yang difikirkan perlu selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah **Bahagian XI Penguatkuasaan, Penyiasatan, Keterangan,**

Kesalahan dan Penalti, Bab 1 Penguatkuasaan dan Penyiasatan, Seksyen 133 sehingga 144 Enakmen Mineral (Selangor) (EMS 2000).

3.5.6 Pengalihan/pemindahan bahan mineral hendaklah menggunakan lori mengikut spesifikasi seperti *Jadual 2* dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

Jenis Mineral	Jenis Lori	Jenis pembungkusan
Bauksit, Kuarza, Bijih Besi dan lain-lain mineral yang difikirkan perlu	Tipper dumper berbadan besi	Berlapik dan bertutup kanvas (bawah dan atas)
	lori treler berbadan besi	Jumbo beg (1 tan per beg)
Bijih Timah dan lain-lain mineral yang difikirkan perlu	lori treler / lori yang bersesuaian	Jumbo beg (1 tan per beg) atau lain-lain beg yang bersesuaian

Jadual 2

3.5.7 Pemegang Permit Khas Mineral hendaklah mengemukakan **laporan penghasilan** dan **laporan pengeluaran** pada **minggu pertama setiap bulan** kepada UBM PTGS.

3.5.8 Waktu pergerakan lori adalah seperti di *Jadual 3* :

Jenis aktiviti	Hari dan Waktu	Hari dan waktu larangan
Operasi di dalam tapak Permit Khas Mineral	Isnin – Sabtu 8.00 pagi sehingga 6.00 petang	Hari Ahad Cuti-cuti umum
Pergerakan keluar masuk lori		


Jadual 3

3.5.9 Tatacara pengeluaran bagi Permit Khas Mineral ini hendaklah tertakluk semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh PTGS dan agensi teknikal yang berkaitan.


4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

4.1 Pelaksanaan arahan dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **serta merta; dan**

4.2 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 4/2021 adalah **DIBATALKAN**.



(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S.,S.M.S
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tarikh: 1 April 2024



NOTA :

*** Bayaran deposit pematuhan syarat**

1. Bayaran deposit pematuhan permit hanya terpakai untuk permohonan baru sahaja.
2. Mengikut keluasan kawasan kerja sahaja.

**** Bayaran sewa tahunan**

1. Untuk tanah Kerajaan sahaja.

BORANG 5

PERMOHONAN PERMIT KHAS MINERAL

Satu salinan lengkap Borang 5 dan dokumen lampiran (*Hardcopy*) dan
Satu salinan lengkap Borang 5 dan dokumen lampiran (*Softcopy dalam format PDF*)
hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Sila tandakan (✓) pada kategori permohonan di bawah :-

Permohonan Baru

Permohonan Pembaharuan

BUTIR-BUTIR PEMOHON

INDIVIDU

(Jika melebihi seorang individu, kemukakan butir-butir setiap individu secara berasingan sebagai Lampiran)

- (a) Nama penuh : _____
- (b) No. K.P./Pasport : _____
- (c) Tarikh lahir : _____ (d) Jantina : Lelaki / Perempuan
- (e) Alamat tetap : _____

- (f) Alamat surat-menyurat : _____
(jika berbeza daripada atas) _____

- (g) Warganegara : _____
- (h) Pekerjaan : _____

SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT

- (a) Nama : _____
- (b) Jenis syarikat /badan korporat : _____
(Memorandum dan artikel penubuhan syarikat (jika telah diperbadankan) hendaklah dikemukakan)
- (c) Tarikh dan tempat pendaftaran : _____
- (d) Alamat perniagaan : _____
- (e) No. telefon : _____ Faks : _____

- (f) Butir-butir Pengarah yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.
- (1) Nama
 - (2) Tarikh dan tempat lahir
 - (3) Jantina
 - (4) No K.P. / Pasport
 - (5) Pekerjaan
 - (6) Alamat kediaman
- (g) Butir-butir pekongsi / pemegang saham (sekiranya perkongsian atau syarikat berdaftar) yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.
- (1) Nama
 - (2) Peratusan pemegangan saham
 - (3) Kewarganegaraan
- (h) Butir-butir mengenai kepentingan perniagaan terdahulu dan sekarang yang menunjukkan kemampuan teknikal dan kewangan pemohon untuk menjalankan kerja mendapatkan mineral hendaklah dikemukakan sebagai Lampiran. (Syarikat asing yang baru ditubuhkan di Malaysia boleh mengemukakan butir-butir mengenai syarikat induk atau syarikat pemegangan mereka).
- (1) Jenis perniagaan
 - (2) Lokasi / tempat perniagaan
 - (3) Jumlah modal yang dibenarkan
 - (4) Modal berbayar semasa
 - (5) Penggajian mengikut kategori berikut:
 - (i) Pengurusan dan penyelidikan
 - (ii) Penyeliaan
 - (iii) Teknikal dan pemasaran
 - (iv) Lain-lain kakitangan pejabat
 - (v) Buruh mahir
 - (vi) Buruh tidak mahir
 - (6) Penyertaan ekuiti
 - (i) Peratus dan nisbah penyertaan rakyat Malaysia dan asing
 - (ii) Peratus ekuiti dipegang /dirizabkan untuk penyertaan Bumiputera
 - (iii) Sumber dan nama penyertaan asing (nyatakan juga bentuk penyertaan asing dilaksanakan iaitu secara wang tunai, loji dan jentera, pengetahuan teknikal, dsb.)

MAKLUMAT AM

BUTIR-BUTIR TANAH

- (a) Status tanah : _____
(Tanah kerajaan/Tanah Rizab/Tanah hakmilik)
- (b) Kategori guna tanah : _____
(Pertanian / Bangunan / Industri)*
- (c) No. dokumen hakmilik : _____
(Salinan daftar dokumen hakmilik yang diperaku sah hendaklah dilampirkan)
- (d) No. lot : _____
- (e) Nama tuan punya tanah : _____
- (f) Mukim : _____ (f) Daerah : _____
- (g) No. Syit : _____
- (h) Keluasan keseluruhan : _____ hektar / _____ ekar
- (i) Keluasan kerja : _____ ekar
- (j) Lokasi kawasan : _____

* Pelan lokasi tanah hendaklah dilampirkan dalam saiz A3 dan salinan softcopy dalam bentuk PDF

PERSETUJUAN PIHAK YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN

* Kepilkan bersama Surat persetujuan / wakil kuasa / perjanjian yang lengkap dan sah daripada tuan tanah sekiranya pemohon bukan tuan tanah / pemilik permit / pemegang lesen / pemegang amanah

KATEGORI KAWASAN PERMOHONAN (Semua maklumat hendaklah dikepilkan sebagai Lampiran)

Sila tandakan (✓) pada kategori kawasan permohonan di bawah :-

- (a) Kawasan projek pembangunan yang mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang (Kepilkan salinan Kebenaran Merancang)
- (b) Kawasan / projek pencucian tanah kotor bagi tujuan mendapatkan pasir (Kepilkan salinan kontrak/permit projek pencucian tanah kotor)
- (c) Kawasan/projek yang mempunyai kelulusan permit 4C bagi tujuan pengeluaran bahan batuan (Kepilkan salinan permit 4C berkaitan)
- (d) Lain-lain kawasan/projek (Nyatakan dan kepilkan dokumen berkaitan)

.....

LOGAM / MINERAL YANG DIJUMPAI

KAJIAN PRA-KEBOLEHLAKSANAAN

(Semua maklumat hendaklah dikepikan sebagai Lampiran)

- (a) Kaedah mendapatkan mineral :
- (i) Butir-butir kaedah perolehan dan pemrosesan
 - (ii) Butir-butir jentera yang akan digunakan
 - (iii) Pelan susun tapak, kuasa, bekalan air dan sebagainya
- (b) Anggaran rizab yang akan dikeluarkan.
- (c) Jangkaan hayat ekonomi kawasan Permit Khas Mineral
- (d) Jangkaan tarikh mula
- (e) Jangkaan pengeluaran bahan mineral tahunan
- (f) Maklumat lain yang berkaitan
- (g) Keterangan tambahan sekiranya ada :

AKUAN

* Saya / Kami dengan ini memohon untuk mendapatkan **Permit Khas Mineral** yang dinyatakan di dalam kawasan yang dimaksudkan dan mengaku bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan * saya / kami, segala butir-butir yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA (PEJABAT)

PENGESAHAN PENDAFTARAN

(Penolong Pegawai Tanah / Penolong Pegawai Tanah Kanan /
Penolong Pengarah / Ketua Penolong Pengarah)

Tarikh permohonan diterima :

Fi permohonan : No. Resit : Tarikh Bayar :
(RM500.00 per lot)

No. Fail :

Tandatangan Pegawai : Cop nama Pegawai :

.....
Tarikh :

PERTIMBANGAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Kepilkan keputusan /
minit bebas

Status Permohonan :-

LULUS

TOLAK

PENGELUARAN PERMIT KHAS MINERAL


No. Permit :

Tempoh permit : Bulan / Tahun
Bermula sehingga

Fi pengeluaran : No. resit : / Tarikh Bayar :
(RM1,000.00 per lot)

Deposit Pematuhan : No. resit : / Tarikh Bayar :
RM10,000.00 per ekar mengikut
keluasan kawasan kerja
(*Permohonan baru sahaja)

Sewa tanah tahunan : No. resit : / Tarikh Bayar :
*tanah Kerajaan sahaja
(RM250 per hektar)



(BORANG K)
PERMIT KHAS MINERAL

No. Rujukan Fail	:	
No. Permit Khas Mineral	:	
Nama Pemegang Permit	:	
Tempoh Permit	:	
No. K.P / No. Pendaftaran Syarikat	:	
Alamat Pemegang Permit	:	
Jenis Mineral	:	Kuantiti Mineral Yang Diluluskan
Status Tanah <small>(Tanah Kerajaan / Tanah bermilik)</small>	:	Sewa tanah tahunan (sekiranya berkaitan)
No. Hakmilik	:	No. Lot / Pt
Mukim / Pekan / Bandar	:	No. Syit
Daerah	:	Lokasi Kawasan Permit Khas
Luas Kawasan Permit Khas Mineral	:	Fi Pengeluaran Deposit Pematuhan <small>(RM1,000.00 / ekar)</small>

Permit Khas Mineral ini membenarkan pemegangnya memproses / mencuci / mengeluarkan mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dan seperti ditunjukkan dalam pelan dilampirkan mengikut tempoh permit ini, melainkan jika terlebih dahulu ditamatkan permit berkenaan. Permit ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Pekeliling PTGS Bilangan () Tahun () dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan dan syarat-syarat yang dilampirkan permit Khas Mineral ini.

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SELANGOR

Tarikh :